

## PUNCA PENCERAIAN PASANGAN DEWASA ISLAM: PERSPEKTIF BADAN PELAKSANA

### *Causes Of Divorce In Muslim Adult Couples: Perspectives Of The Implementing Body*

Rogayah Estar Mohamad<sup>i</sup>, Elmi Baharuddin<sup>i</sup>, Noorazean Binti Razali<sup>ii</sup>, Nurul Ashiqin Jaafar<sup>iii</sup>  
& Nur Filzahruz Mohamad Sah<sup>iv</sup>

(Corresponding author) <sup>i</sup>Pensyarah Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur.

Emel: [rogayah@kuptm.edu.my](mailto:rogayah@kuptm.edu.my)

<sup>ii</sup> Pensyarah Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur

Abstrak	Abstract
<p><i>Kes penceraian dewasa Islam di Malaysia didapati telah meningkat setiap tahun. Penceraian dewasa ini melibatkan pasangan yang berumur 40 tahun ke atas yang majoritinya telah mendirikan rumah tangga 10 tahun dan ke atas. Terdapat banyak kajian lepas mengenai perceraian pasangan muda atau tempoh perkahwinan 5 tahun telah dijalankan. Selain itu, belum ada kajian mengenai perceraian dewasa Islam di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur yang terdedah kepada urbanisasi dan mempunyai penduduk padat. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan punca-punca utama perceraian kalangan masyarakat Melayu daripada perspektif badan pelaksana di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang dianalisis secara deskriptif. Sebanyak dua orang pakar dari badan pelaksana Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Hakim Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur yang telah ditemubual secara semi berstruktur. Pandangan daripada badan pelaksana ini adalah penting kerana pendedahan skop kerja yang tertumpu dalam menguruskan pasangan-pasangan yang ingin bercerai. Hasil kajian menunjukkan punca</i></p>	<p><i>Muslim adult divorce cases in Malaysia have increased every year. Adult divorce is referred to couples aged above 40, the majority of whom have been married for 10 years and above. Most of previous studies have conducted the divorce of young couple or a 5-year marriage. In addition, there has been no study on Muslim adult divorce in the Federal Territory of Kuala Lumpur which is prone to urbanization and dense population. This study is to discuss the main causes of community divorce from the perspective of the implementing body of the Federal Territory, Kuala Lumpur. This study uses a qualitative method that is analyzed descriptively. A total of two experts from the implementing body of the Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) and the Federal Territory Judge, Kuala Lumpur who were interviewed in a semi-structured technique. The views from this implementing body are important because of the disclosure of the scope of work that is focused on managing couples seeking divorce. The results of the study showed that the causes of divorce in Muslim adults were the factors of alimony and responsible neglect, third party involvement,</i></p>

<p><i>penceraian dalam kalangan dewasa Islam adalah melibatkan faktor pengabaian nafkah dan tanggungjawab, penglibatan orang ketiga dan poligami, penglibatan dengan penagihan dadah dan kes-kes keganasan rumah tangga. Secara keseluruhannya faktor utama adalah melibatkan faktor intrinsik iaitu tiada pegangan agama yang kukuh. Kajian ini diharap dapat menjadi rujukan pihak berkepentingan dan masyarakat dalam mengambil langkah mengatasi peningkatan penceraian di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.</i></p> <p><b>Kata kunci:</b> Islam, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Melayu, Penceraian golongan dewasa; Punca</p>	<p><i>involvement with drug addiction and cases of domestic violence. Overall, the main factor is the main factor factor that there is no strong religious belief. It is hoped that this study can be a reference for the stakeholders and the community in taking measures to this increament of divorce in the Federal Territory, Kuala Lumpur.</i></p> <p><b>Keyword:</b> Federal Territory Islamic Religious Department (JAWI); Malay; Adult divorce; Cause</p>
--	---

## PENDAHULUAN

Perkahwinan merupakan lambang kehormatan dan kemuliaan bagi pasangan suami isteri. Hal ini kerana ikatan perkahwinan memberi perlindungan dan kasih sayang berterusan. Antara hikmah perkahwinan disyariatkan oleh Allah SWT agar pasangan suami dan isteri beroleh kasih sayang dan rahmat. Namun apabila ia gagal dinikmati, terdapat sebahagian pasangan mengambil keputusan untuk mengakhiri perkahwinan mereka dengan penceraian. Penceraian merupakan satu fenomena global yang berlaku dalam institusi perkahwinan di seluruh dunia. Terdapat peningkatan statistik kes penceraian setiap tahun di kebanyakan negara di dunia.

Kes penceraian dalam masyarakat didapati terus meningkat dari tahun ke tahun. Menurut Azizah Mohd Dun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2013-2018) rekod Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia mencatatkan sebanyak 59,712 kes penceraian pada 2014, sebanyak 63,463 kes pada tahun 2015 dan 48,077 kes sehingga 10 Julai 2016. Selain itu, sebanyak 3 negeri yang mencatatkan kes tertinggi iaitu Selangor mencatat kes paling tinggi sepanjang tempoh itu iaitu sebanyak 30,901, Sabah (22,331 kes) dan Johor sebanyak 16,718 kes dari 2014 hingga 10 Julai 2016 (Berita Harian, 2016). Malah, lebih membimbangkan apabila rekod mendapati penceraian di akhir usia turut meningkat.

Penceraian di akhir usia yang berlaku amat memberi kesan dari sudut psikologi bukan sahaja kepada individu yang terlibat dengan penceraian itu sendiri, bahkan turut melibatkan individu yang berada di sekeliling mereka termasuklah anak-anak, ahli keluarga dan juga masyarakat (Noor Syaibah, et.al., 2016). Remaja yang membesar dalam keluarga yang ibu bapa mereka

bercerai kebiasaanya mempunyai konsep sendiri yang lemah, kurang kawalan diri, tidak pandai bergaul dan tidak kisah tentang penampilan diri (Koziey, 1982). Menurut Raihanah Abdullah (2013) antara faktor berlaku penceraian adalah tiada persefahaman antara pasangan itu sendiri. Manakala menurut (Syafirul et al., 2015) punca lain adalah pengabaian tanggungjawab dari segi nafkah zahir dan batin. Noor Syaibah Shabuddin (2016) pula berpendapat punca penceraian adalah dari aspek ekonomi. Kajian ini dijalankan bagi meneliti pandangan dan perspektif para pakar yang terdiri daripada Hakim di Mahkamah Shari'ah dan Pegawai Hal Ehwal Islam dari Jabatan Agama Wilayah Persekutuan. Mereka merupakan para panel yang berpengalaman dalam mengendalikan kes-kes penceraian semasa di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Melalui kajian ini, diharapkan semua pihak berkepentingan dapat membuka mata untuk memikirkan langkah-langkah proaktif bagi menangani isu penceraian dalam kalangan pasangan dewasa. Disamping itu, kajian ini juga penting kepada masyarakat untuk dijadikan iktibar dan panduan dalam memelihara perkahwinan dan keharmonian sebuah rumah tangga.

Penceraian yang berlaku sememangnya sangat memberikan kesan kepada emosi, psikologi tingkahlaku dan pemikiran pasangan suami isteri dan juga semua individu yang ada di sekeliling mereka. Sekali gus boleh membawa kepada peningkatan tekanan emosi atau penyakit mental dalam kalangan masyarakat. Menyedari hakikat kesan buruk ini, pengkaji tertarik untuk menjalankan satu bentuk kajian mengenai faktor yang menyebabkan fenomena ini terutama melibatkan pasangan dewasa Islam dalam kalangan masyarakat Melayu di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Fokus kajian dalam artikel ini adalah untuk mengkaji pandangan para pakar yang mengendalikan kes-kes penceraian di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur (JAWI) dan Hakim Mahkamah Syariah Kuala Lumpur mengenai punca utama dan punca-punca sampingan yang mendorong berlaku kes-kes penceraian dalam kalangan pasangan dewasa Melayu Islam. Golongan 'dewasa muslim' dalam kajian ini adalah merujuk kepada golongan yang berumur 40 tahun ke atas dimana yang telah mendirikan rumah tangga 10 tahun ke atas. Pemilihan skop golongan ini adalah kerana peningkatan kes perceraian dari tahun ke tahun dan kurangnya kajian lepas yang dilakukan terhadap golongan ini berbanding kajian terhadap perceraian dalam pasangan muda. Malah pemilihan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur adalah kerana pendedahan masyarakat terhadap kemodenan dan urbanisasi selain mempunyai penduduk padat.

## **KAJIAN LITERATUR**

Di Malaysia, kes perceraian di Selangor mencatatkan bacaan yang sangat tinggi berbanding negeri-negeri lain misalnya sebanyak 57,838 bagi tempoh (2013-

2017). Kajian ini memfokuskan di Kuala Lumpur iaitu negeri jiran kepada Selangor. Kuala Lumpur yang mempunyai penduduk sekitar 1,674,620 (Jabatan Statistik Malaysia 2020), dikategorikan sebagai berpendudukan padat. Bagi kes penceraian, Kuala Lumpur telah mencatat 19,488 kes sejak tahun 2013-2017. Ini menjadikan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur negeri ke-8 tertinggi dalam melibatkan kes penceraian. Walaupun mengikut Jabatan Statistik Malaysia (2020), Kuala Lumpur merupakan negeri paling kecil keluasannya (342 km<sup>2</sup>) di Malaysia, namun ketinggian kes penceraian yang tinggi menimbulkan persoalan mengenai faktor-faktor penceraian yang berlaku di negeri ini. Manakala kes penceraian berdasarkan julat usia menunjukkan pasangan daripada golongan 26-35 tahun merupakan pasangan yang paling terdedah dengan perceraian, namun terdapat peningkatan dari tahun ke tahun dalam golongan dewasa (40 tahun ke atas) (Sapora & Rohaya, 2012). Ini boleh dilihat kepada kes-kes penceraian dari tahun 2015-2019 dalam masyarakat Melayu di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur seperti yang tercatat dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Statistik Pendaftaran Penceraian  
Bagi Kumpulan Umur mengikut Daerah Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, 2015-2020

Bil	Kump. Umur	2015	2016	2017	2018	2019	2020	JUM.
1	41-45	283	354	452	413	420	250	2170
2	46-50	161	227	285	175	182	144	1374
3	51-55	94	118	191	189	184	144	900
4	56-60	52	74	117	109	122	73	547
5	61-65	28	31	52	46	63	33	253
6	66-70	19	19	20	25	29	19	131
7	>70	7	12	16	13	17	8	73
<b>JUM.</b>		644	835	1133	1070	1117	651	

Walau bagaimanapun pada tahun 2020, menunjukkan sedikit penurunan ekoran dari kesan pandemik, Covid-19 yang telah menyerang Malaysia sejak awal tahun 2020 di mana Mahkamah Syariah hanya mengendalikan kes-kes penceraian yang melibatkan seksyen 47; penceraian melalui lafaz talak yang mendapat persetujuan dari suami isteri sahaja (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia 2020).

Noor Syaibah et al. (2016), dalam kajian mereka terhadap perceraian golongan dewasa di Selangor, iaitu negeri yang mencatatkan perceraian paling tinggi sejak beberapa tahun ini, merumuskan terdapat lapan faktor yang menyebabkan perceraian yang melibatkan: (1) faktor personaliti, dimana sikap pasangan yang ego, mengongkong dan cemburu; (2) faktor masalah seksualiti,

yang melibatkan tidak ada nafsu kepada pasangan; (3) faktor komunikasi, yang merangkumi isu pasangan atau anak yang tidak dapat menjalankan peranan yang diharapkan; (4) faktor campur tangan orang ketiga, melibatkan bekas isteri ataupun keluarga dan rakan; (5) faktor penyalahgunaan dadah, yang mampu mengganggu komunikasi dan kewangan keluarga; (6) faktor kurang didikan agama, mampu menjadi punca utama kerana pasangan tidak mengetahui tanggungjawab mereka sebagai suami isteri (7) faktor pengabaian tanggungjawab dan (8) ditinggalkan pasangan (Syaibah et al., 2016). Menurut Berita Harian (2020), kes perceraian di Johor yang juga merupakan negeri kedua tertinggi yang mencatat kes perceraian merumuskan punca perceraian pasangan Islam adalah; (1) tidak bertanggungjawab, (2) tiada motivasi dalam perkahwinan, (3) pengabaian nafkah, (4) suka keluar rumah, (6) penagihan dadah, (7) campur tangan keluarga dan (8) penderaan. Selain itu, dalam kajian yang bersifat menyeluruh di Malaysia, menurut Shafiyah Iqlima (2020) melalui penulisannya bertajuk Polemik Perceraian di Malaysia, punca utama perceraian adalah sikap dan personaliti pasangan, suami atau isteri yang tidak bertanggungjawab, tiada persefahaman, panas baran serta curang. Menurut Perunding Motivasi dan Kaunseling Keluarga, Dr Robiah Hamzah, kebanyakan yang tergamak berlaku curang dalam perkahwinan adalah kaum suami. Fakta itu dijelaskan menerusi purata 10 kes kaunseling rumah tangga yang pernah dirujuk kepadanya. Sebanyak 8/10 kes adalah suami curang. Malah, akhbar Sinar Harian turut melaporkan kes suami curang sehingga sanggup bersetubuh dengan wanita lain selepas selamat mengerjakan haji.

Antara perkara penting dalam menyelesaikan isu perceraian ini adalah pasangan suami isteri mestilah memahami peranan dan hak masing-masing. Penyelesaian yang dicadangkan oleh Imam Nawawi Al-Bantani (1999) untuk mengatasi perceraian adalah dengan memenuhi hak dan kewajipan masing-masing. Hak seorang isteri dan kewajiban suami adalah: (1) diperlakukan baik, (2) mencari nafkah, (3) mendapatkan mahar, dan (4) mendapatkan pendidikan. Empat jenis hak suami dan kewajiban isteri pula adalah: (1) mendapatkan ketaatan, (2) tingkah laku yang baik, (3) isteri mampu menjaga dirinya sendiri, dan (4) kejujuran dari isteri.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif iaitu mengkaji isu-isu terpilih dengan lebih mendalam dan terperinci dan menangkap petikan-petikan daripada perspektif individu secara langsung (Mastrandrea et al., 2015; Knafl, 1991 & Patton, 1990). Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan dua jenis kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan; temubual secara berstruktur.

Kajian kepustakaan digunakan dengan mengkaji sumber-sumber literatur terhadap fakta-fakta yang diperolehi dari perpustakaan dan sumber

atas talian melibatkan bahan-bahan seperti jurnal, dokumen dan artikel-artikel dari sumber berautoriti (Rieh & Belkin, 1998) yang membantu penyelidik mendapatkan gambaran awal tentang kajian yang dijalankan selain memberikan idea untuk meneroka perkara baru yang tidak terdapat dalam penulisan terdahulu. Kajian lapangan pula merupakan data primer yang dikumpulkan oleh penyelidik berdasarkan pemerhatian dan temubual secara khusus untuk menjawab persoalan kajian secara langsung melibatkan komunikasi dua hala yang membolehkan penyelidik mendapat banyak peluang bertanyakan soalan tentang sesuatu isu supaya lebih jelas seperti mana yang dikehendaki (Ahmad Sunawari & Zaizul, 2011).

Dalam kajian ini, kaedah temubual semi berstruktur digunakan di mana beberapa soalan berkaitan dengan topik telah dikenal pasti sebelum sesi temu bual dijalankan. Para penyelidik telah menemubual dua orang panel pakar yang terdiri daripada wakil Pegawai Hal Ehwal Islam, JAWI yang dikodkan sebagai P1 dan Hakim Mahkamah Syariah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dikodkan sebagai P2 di ruangan hasil dan perbincangan. Pemilihan wakil daripada badan pelaksana ini adalah dengan mengambil kira kepakaran dan penglibatan panel pakar dalam menjalankan tugas berkaitan perceraian. Kedua-dua panel yang dipilih terlibat secara aktif dalam penyelesaian dan menguruskan perkara berkaitan perceraian. Temubual ini penting bagi memperolehi pandangan, pengalaman dan idea daripada pihak pakar mengenai isu semasa berkaitan perceraian. Bagi memastikan privasi panel terjaga, nama dan butiran selain jawatan, tahap pendidikan dan kepakaran adalah dirahsiakan. Jadual 1 menunjukkan butiran temubual yang telah dijalankan.

Jadual 1: Maklumat temubual

No	Kod	Tempat	Tarikh	Masa
1.	P1	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekuturan (JAWI) (Bahagian Perkahwinan)	10 Mac 2021	10.00 am-11.00 am
2.	P2	Online (Virtual meeting)	24 Mac 2021	10.00 am-11.20 am

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan dikumpul melalui rakaman temubual yang diperolehi sepanjang sesi temubual dijalankan. Dapatan tersebut dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan (thematic content analysis) di mana pengkaji perlu menyusun dapatan mengikut sub tema-sub tema yang telah dikenalpasti oleh pengkaji dalam kajian ini. Pengkaji telah menemakan punca-punca yang telah dikenal pasti. Hasil kajian mendapati kedua-dua panel pakar iaitu Panel 1 (P1)

dan Panel (P2) telah merumuskan bahawa punca utama penceraian bagi kalangan dewasa Melayu di Wilayah Persekutuan adalah seperti berikut:

### 1. Kelonggaran Pegangan Agama

P1 berpandangan bahawa kekurangan ilmu dan penghayatan agama seseorang sama ada dari pihak suami atau isteri menjadi faktor utama yang mendorong kepada penceraian pasangan. Ini dapat dilihat berdasarkan pernyataan P1 yang menegaskan bahawa punca utama perceraian adalah kurang ilmu dan penghayatan agama. Kesan daripada pegangan agama yang lemah telah menyebabkan para suami menimbulkan pelbagai masalah rumah tangga seperti mengabaikan tanggungjawab nafkah, penderaan dan curang tanpa merasakan ianya sebagai dosa. P1 juga berpendapat sepanjang pengalamannya di Unit Rundingcara, JAWI dalam menyelesaikan konflik pasangan ingin bercerai, jarang sekali pasangan yang hadir daripada golongan yang menjaga dan memelihara agama. Malah, jika ada, apabila diberi nasihat dan kaunseling pasangan-pasangan yang berilmu dan menjaga agama majoritinya berbaik semula.

Tanpa pegangan agama yang kuat, kehidupan berumahtangga akan goyang kerana agamalah yang akan membentuk pandangan dan gaya hidup seseorang. Dalam institusi rumah tangga, faktor agama adalah elemen penting yang menjadi tonggak kebahagiaan sesebuah rumah tangga sehingga Islam menjadikannya sebagai asas utama dalam pemilihan pasangan seperti mana ditegaskan Rasulullah dalam sabda Baginda SAW: *“Wanita dinikahi kerana empat perkara; kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya dan agamanya, maka pilihlah wanita yang taat beragama, nescaya engkau beruntung.”* (Hadis Riwayat Bukhari: 5090 dalam Sahih Bukhari).

Faktor agama adalah elemen yang penting dalam memastikan keharmonian rumah tangga (Ahmad Nazri, 2017). Amalan-amalan agama yang dilakukan Bersama pasangan seperti solat berjemaah dapat mengeratkan hubungan suami isteri dengan restu Allah SWT. Suami haruslah membimbing isteri ke jalan yang diredai Allah SWT. Jika isteri lebih bijak, tidak salah berkongsi sesuatu yang baik dengan suami supaya rumah tangga sentiasa mendapat keberkatan. Islam dibina atas tiga asas utama meliputi soal akidah, syariat dan akhlak. Tiga perkara asas itu menjadi tunjang dalam pembentukan rumah tangga yang harmoni (Ahmad Nazri, 2017).

### 2. Pengabaian Nafkah dan Tanggungjawab.

Menurut P1 dan P2 punca utama seterusnya adalah pengabaian hak nafkah dan tanggungjawab. Muhammad & Jasmi (2004) menjelaskan sebagai ketua atau pemimpin kepada sebuah rumah tangga, sangat penting bagi seorang suami melaksanakan hak seorang isteri. Sekiranya hak ini dilaksanakan dengan baik, nescaya rumah tangga akan beroleh kebahagiaan dan ketenangan

serta wujudlah perasaan kasih sayang dan kasihan belas antara satu sama lain. Antara hak-hak tersebut ialah mas kahwin, layanan yang baik, nafkah zahir dan batin meliputi soal makan, minum, pakaian, pendidikan, kesihatan, tempat tinggal dan keperluan-keperluan asas yang lain yang perlu disediakan berdasarkan kemampuan seorang suami. Hal ini sesuai dengan Firman Allah yang bermaksud: *“Dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya”*. (Surah al-Baqarah, 2:233)

Berdasarkan penerangan mengenai hak-hak isteri yang patut ditunaikan oleh para suami, bolehlah dirumuskan bahawa tugas seorang suami adalah amat besar. Ilmu dan pengetahuan mengenai hak-hak isteri ini mestilah dipelajari dan dipraktik dalam mewujudkan sebuah rumah tangga yang sakinah.

### **3. Penglibatan Orang Ketiga & Poligami**

Menurut undang-undang, orang ketiga bermaksud sesiapa sahaja, sama ada seorang lelaki atau wanita terdiri daripada ahli keluarga suami atau isteri, pasangan kekasih atau masyarakat sekeliling yang menjadi penyebab berlakunya ketidakharmonian dalam perkahwinan seseorang (Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor, 1995) Campurtangan keluarga terutamanya dari pihak suami menyumbang kepada kes-kes penceraian. Menurut P1, penglibatan orang ketiga ini termasuklah campur tangan mertua yang cuba memecah belahkan rumah tangga pasangan. Panel P2 juga menambah bahawa, kebanyakan suami yang berhadapan dengan isu ini tidak menunjukkan usaha untuk memperbaiki keadaan yang akhirnya membawa kepada penceraian.

Orang ketiga yang melibatkan pasangan kekasih turut menyumbang kepada kes-kes penceraian dalam kalangan pasangan dewasa. Menurut P2, para suami yang membuat permohonan bercerai adalah kerana berhasrat untuk berkahwin lain, namun tidak mahu melalui proses berpoligami. Malah terdapat kes permohonan cerai juga dilaporkan kerana para isteri yang tidak dapat menerima suami untuk berpoligami. Perkara ini juga berlaku dalam kalangan para isteri, yang biasanya menuntut cerai kerana ingin berkahwin dengan lelaki yang lebih berkedudukan.

Syariat Islam dan undang-undang sivil memandang serius keterlibatan pihak ketiga yang menggugat keharmonian sebuah perkahwinan dan dikategorikan sebagai satu kesalahan jenayah. Terdapat sekurang-kurangnya 3 seksyen di dalam Akta 559 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 Bahagian V - Kesalahan Pelbagai yang berkaitan dengan orang ketiga dalam sebuah perkahwinan bertujuan untuk memelihara keharmonian ummah dengan harapan tidak berlakunya perpecahan sesebuah



institusi rumahtangga. Namun, masyarakat umum masih tidak mengetahui kewujudan peruntukan itu (Muhammad & Ismail, 2019).

Menurut Fakhru Azman (2018), terdapat ramai suami yang berkahwin di luar negara kerana undang-undang syariah menetapkan mereka perlu membuktikan kemampuan untuk berpoligami. Kebanyakan para suami yang ingin berpoligami sebenarnya adalah tidak mampu, dimana duit bulanan kereta dan rumah dibayar secara kongsi dengan isteri. Permohonan yang akan memudaratkan isteri pertama tidak akan diluluskan oleh mahkamah. Selain soal kemampuan yang mungkin tidak menjadi masalah bagi sesetengah pemohon poligami, mahkamah turut melihat kriteria lain seperti kemungkinan isteri pertama mengalami penyakit kemurungan atau tekanan emosi disebabkan hal berkenaan (Fakhru Azman, 2018).

#### **4. Penyalahgunaan Dadah**

Menurut P1 dan P2, punca perceraian berikutnya adalah keterlibatan suami dengan penagihan dadah. Dadah adalah musuh nombor satu negara seperti yang telah ditegaskan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia yang ke-4 Tun Dr. Mahathir bin Mohamad (Mohammad Sabri Yusoh & Che Bakar Che Mat, 2008). Penyalahgunaan dadah memberi kesan negatif kepada individu kerana akan menyebabkan seseorang itu secara fizikal dan psikologi sangat bergantung kepada dadah. Perwatakan mereka juga akan berubah menjadi suka menyendiri, sering berkhayal dalam dunianya sendiri, lemah dan malas untuk bekerja dan ada ketikanya bertindak ganas serta berada dalam luar kawalan sekiranya gagal mendapat bekalan (Kasamasu et al., 2017). Akibatnya, berlakulah pengabaian tanggungjawab terhadap keluarga dari sudut nafkah dan keselamatan ahli keluarga juga turut terancam.

Sehubungan dengan itu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwah Ugama Islam Malaysia Kali Ke-37 yang bersidang pada 23 Mac 1995 telah meluluskan fatwa tuntutan fasakh nikah oleh seorang isteri sekiranya suami mereka terlibat dengan penagihan dadah dengan syarat diperakukan oleh pakar perubatan yang adil. Keputusan tersebut dibuat memandangkan penglibatan suami dengan penagihan dadah akan mengundang mudarat yang besar kepada kehidupan para isteri. Keharusan ini disandarkan kepada larangan melakukan kemudaratkan sebagaimana sabda Rasulullah SAW dalam hadis bermaksud: *“Tidak memudaratkan dan tidak dimudaratkan.”* (HR Imam An-Nawawi: 35 dalam Bustanul a-‘Arifin).

#### **5. Penganiayaan dan Keganasan Rumah Tangga**

P1 dan P2 juga menyatakan antara punca lain ialah isu keganasan rumah tangga. Statistik peringkat global dan nasional jelas menunjukkan golongan wanita merupakan golongan yang paling berisiko menjadi mangsa keganasan

rumah tangga. Kerajaan telah mengambil menggubal Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, [Akta 521] berkuat kuasa pada 1 Jun 1996 dengan mengambil kira pandangan daripada agensi berkaitan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bertujuan memberi perlindungan kepada mangsa daripada berterusan menjadi mangsa penderaan.

Berdasarkan kepada Akta 521, keganasan rumah tangga ditakrifkan sebagai satu perbuatan atau lebih seperti berikut; a) secara bersengaja atau dengan disedari meletakkan, atau cuba meletakkan, mangsa itu dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal; b) menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa; c) memaksa mangsa itu dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan, d) mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa; e) melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta mangsa; f) menyebabkan penderaan psikologi; g) menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan tanpa kerelaan mangsa.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, terdapat 2,459 perintah perlindungan peribadi (PPO) yang dikeluarkan oleh mahkamah pada 2019; dan 76.4 peratus diberikan kepada golongan wanita atas ancaman dan keganasan yang dilakukan oleh pihak suami. Keadaan menjadi semakin teruk sejak penyebaran COVID-19, di mana apabila kerajaan mula mengarahkan perintah kawalan pergerakan yang telah menyebabkan peningkatan 22 peratus keganasan rumah tangga yang dilaporkan kepada pihak polis (Mohamed Imran, 2020). Dalam menangani isu ini, kerajaan dalam Pembentangan Belanjawan 2021 mengumumkan peruntukan RM21 juta bagi menyediakan pusat sokongan sosial setempat sebagai usaha menangani isu keganasan rumah tangga (myMetro, 2020).

## **KESIMPULAN**

Hasil daripada kajian ini dapat disimpulkan bahawa punca utama perceraian dalam kalangan dewasa Islam adalah pengabaian nafkah dan tanggungjawab, isu orang ketiga dan poligami, penglibatan dalam penyalahgunaan dadah dan penganiayaan. Namun panel pakar berpendapat punca intrinsik iaitu kurang pegangan agama adalah merupakan punca yang utama yang menyebabkan kepincangan rumahtangga. Pengetahuan dan amalan agama Islam yang kukuh mampu menjadi tunjang dalam mewujudkan perkahwinan yang utuh dan dipenuhi rasa kasih sayang dan sakinah dalam sesebuah rumah tangga. Pandangan pihak pakar menunjukkan isu perceraian perlu ditangani dengan pendekatan yang lebih berhemah dan terbaik.

## PENGHARGAAN

Kumpulan penyelidik merakamkan penghargaan kepada projek penyelidikan URG/0719/FEHA/FP00304(6) yang dibiayai melalui peruntukan Skim Geran Penyelidikan Dalaman KUPTM (URG) Sesi 1/2019.

## RUJUKAN

### Buku

Al-Quran al Karim

Adam, J.H., & Adam, N.W. 1979. *Divorce: How And When To Let Go*. New Jersey: Prentice-Hall Inc.

Ahmad Sunawari, L., & Zaizul, Ab, R. (2011). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Knafel, K. A. & Patton, M.Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods (2nd ed.)*. Newbury Park: Sage.

Mohamad Sabri Yusoh & Bakar Che Mat. 2008. *Penyalahgunaan dan Pengeedaran Dadah di Malaysia: Undang-undang dan Keberkesanannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Nawawi, al- Bantani, Muhammad Bin Umar. (1999). *Terjemah Syarh 'Uqududdijain Etik Berumah Tangga*, Terj. Drs. Afiif Busthomi Dan Masyhuri Ikhwan. Jakarta: Pustaka Amani

Norhayati Suaidi. 1994. *Faktor-Faktor Peribadi dan Keluarga yang Berkaitan dengan Konsep Kendiri Pelajar Remaja Daripada Keluarga Bercerai: Satu Kajian Kes*. Kuala Lumpur: Penerbit UTM

Raihanah Abdullah (2013). *Wanita, Perceraian dan Mahkamah Syariah Dalam Wanita dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Ilmiah Publisher

Sabariah, B. (1989). *Masalah Perceraian di Kalangan Masyarakat Islam di Sabah: Satu Kajian di Daerah Tawau*. t.tp: t.pt.

Sapora S. & Rohaya H. (2012). *Teori Kaunseling dan Psikoterapi*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia

### Jurnal

Amato, P.R. & Previti, D. (2003). "People's Reason for Divorcing: Gender, Social Class, The Life Course, and Adjustment." *Journal of Famili Issues*, 24 (5), 602-626

Anon. (2018). "Three Major Factors That Cause Divorce And Its Solution In Islam. A Case Study At Majalengka Religious Court in 2014 – 2017". *Al-Mashalih* 1

Koziey, Paul W.; Davies, Leigh. (1982). "Broken Homes: Impact On Adolescent". *Alberta Journal of Educational Research*, 28(2): 95-99

Landis, J.T., (1960). "The Trauma of Children When Parents Divorce". *National Council on Family Relations*, 22(1): 7-13, <https://doi.org/10.2307/347395>

- Mariam abd Majid & Mohammad Syafirul Zarif Saleh Hudin. 2017. "Perceraian Rumah Tangga Di Negeri Selangor Darul Ehsan Dan Pendekatan Menanganinya". *E-jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 4(2): 285-303.
- Mastrandrea, R., Fournet, J., & Barrat, A. (2015). "Contact Patterns In A High School: A Comparison Between Data Collected Using Wearable Sensors, Contact Diaries And Friendship Surveys". *PLoS ONE*, 10(9): 1–26. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0136497>
- Nye. F. I. (1957). "Child Adjustment In Broken And In Unhappy Unbroken Homes." *National Council on Family Relations*, 19(4): 356-361.
- Rieh, S.Y. & Belkin, N.J. (1998). "Understanding Judgment Of Information Quality And Cognitive Authority In The WWW". *Journal of the American Society for Information Science and Technology*, 35. <https://www.researchgate.net/publication/238975063>
- Syaibah, N. S & Johari, Norazilah & Abdullah, Norhasima & Aziz, Syazwana. (2016). "Perceraian Dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan Di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL): Eksplorasi Faktor". *Malaysian Journal of Social Science*, 1: 36-52.
- Wan Murni Binti Wan Moktar, Anwar Fakhri Bin Omar. (2018). "Analisis Punca Perceraian Dalam Kalangan Remaja: Kajian Kes di Kota Bharu 2010-2014", *Penerbit Kemala Indonesia*, 6(2).

### Lain-lain

- Berita Harian. (2020). Kes Cerai di Johor Sepanjang PKP. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional-/2020/12/761192/2625-kes-cerai-di-johor-sepanjang-pkp>. Dicapai pada 8 Mei 2021.
- Fakhrul Azman. 2018. Buktikan Kemampuan Untuk Poligami. <https://www.bharian.com.my/rencana-/agama/2018/09/476315/suamiperlu-buktikan-kemampuan-sebelum-poligami>. Dicapai pada 7 Mei 2021.
- Jabatan Statistik Malaysia. (2020). Evolusi penduduk di Malaysia. [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6\\_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM\\_BPPD\\_5-2020\\_Siri-63.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_BPPD_5-2020_Siri-63.pdf). Dicapai pada 13 April 2021
- Kasamasu, L. Wan Chik, W.M.Y. & Mohd, Z. 2017. Permohonan Fasakh Perkahwinan Kerana Penyalahgunaan Dadah Menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pahang) 2005. [https://www.researchgate.net/publication/329269315\\_permohonan\\_fasakh\\_perkahwinan\\_kerana\\_penyalahgunaan\\_dadah\\_menurut\\_enakmen\\_undangundang\\_keluarga\\_islam\\_pahang\\_2005](https://www.researchgate.net/publication/329269315_permohonan_fasakh_perkahwinan_kerana_penyalahgunaan_dadah_menurut_enakmen_undangundang_keluarga_islam_pahang_2005). Dicapai pada 3 April 2021.
- Mohd Abd Nasir. (2021). Punca Utama Perceraian Dalam Kalangan Dewasa Islam : Temubual: Kuala Lumpur: 10 Mac

- Mohd Nazri. (2017). Agama Tentukan Kebahagiaan Keluarga. <https://www.bharian.com.my/taxonomy-/term/61/2017/01/235618/agama-tentukan-kebahagiaan-keluarga>. Dicapai pada 7 Mei 2021.
- Muhammad, A & Jasmi, K. A. (2004). Pengabaian Tanggungjawab Suami Terhadap Hak Isteri di kalangan Orang-orang Melayu dalam Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan. Universiti Malaya, pada 29-30 May 2004, pp 1-8.
- myMetro. (2020). Aduan Keganasan Rumah Tangga Sejak PKP. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/11/639509/1929-aduankeganasan-rumah-tangga-sejak-pkp>. Dicapai pada 8 Mei 2021.
- Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian, Malaysia, 2018, Jabatan Perangkaan Malaysia
- Zaini Yusnita. Mat Jusoh & Zanariah Dimon, (2014), Undang-undang Menangani Orang Ketiga Dalam Rumahtangga: Satu Sorotan Dalam Undang-undang Jenayah Syariah Negeri Selangor Dan Undang-undang Keluarga Sivil dalam International Research Management and Innovation Conference, Kuala Lumpur pada 17-18 November 2014, pp 222.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*